



INCREASING THE ROLE OF HEALTH WAKAF IN THE FACE OF COVID-19

MENINGKATKAN PERANAN WAKAF KESIHATAN DALAM MENGHADAPI WABAK COVID-19

CECEP SOLEH KURNIAWAN

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Simpang 347, Jalan Pasar Gadong,
Brunei Darussalam, BE1310. E-mail: soleh.kurniawan@unissa.edu.bn

MAS NOORAINI BINTI HJ MOHIDDIN (Corresponding author)

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Simpang 347, Jalan Pasar Gadong,
Brunei Darussalam, BE1310. E-mail: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 15TH JUN 2020; REVISED – 19TH AUG. 2020; ACCEPTED – 11TH NOV. 2020)

ABSTRACT

Currently, all humans face a COVID-19 epidemic that has spread to more than 200 countries, causing more than 28 million people to be infected and the deaths of more than 900,000 people worldwide. Waqf, if managed properly and professionally and supported by all walks of life, will be able to play a very important role in maintaining the health of the people, especially in the face of the COVID-19 epidemic. This study is a qualitative study that uses content analysis methods. Data were collected from various references such as articles and books related to waqf and health and then analyzed to determine the extent to which health waqf can play a role in addressing COVID-19. This study found that there is a very high potential to maximize the role of health endowment in the face of the COVID-19 epidemic that is spreading rapidly around the world.

Keywords: Waqf; Health; COVID-19 epidemic.

ABSTRAK

Pada masa ini, seluruh umat manusia sedang menghadapi wabak COVID-19 yang telah merebak ke lebih dari 200 negara, menyebabkan lebih dari 28 juta orang terjangkit dan kematian lebih dari 900,000 orang di seluruh dunia. Wakaf jika diuruskan dengan betul dan profesional serta disokong oleh semua lapisan masyarakat, akan dapat memainkan peranan yang sangat penting dalam menjaga kesihatan umat, terutama dalam menghadapi wabak COVID-19. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan. Data dikumpulkan dari pelbagai rujukan seperti artikel dan buku yang berkaitan dengan wakaf dan kesihatan, dan kemudian dianalisis untuk menentukan sejauh mana peranan yang dapat dimainkan oleh wakaf kesihatan dalam menangani COVID-19. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat potensi yang sangat tinggi untuk memaksimumkan peranan wakaf kesihatan dalam menghadapi wabak COVID-19 yang menular dengan begitu cepat ke seluruh dunia.

Kata Kunci: Wakaf; Kesihatan; Wabak COVID-19.

MUQADDIMAH

Wakaf merupakan salah satu filantropi Islam (Islamic Philanthropy) yang perlu diperkasakan untuk keperluan umat. Wakaf merupakan bentuk mu'āmalah māliyah yang sudah lama dikenali dan diamalkan oleh masyarakat sejak zaman berzaman (Al Kabisi, 1977). Pada masa awal Islam, bentuk dan penggunaan wakaf hanya terbatas pada tempat dan keperluan ibadah, tetapi kemudian berkembang menjadi berbagai jenis wakaf dengan penggunaan yang lebih beragam sebagai tindak balas positif ke atas keperluan masyarakat sesuai dengan perkembangan zaman, seperti wakaf tanah pertanian dan sumber air (Ibnu Kathir, 1419H), wakaf khas untuk bantuan orang miskin dan musāfir (Qahaf, 1421 H), wakaf hotel, wakaf perhiasan, wakaf peralatan kahwin dan wakaf dalam bidang kesihatan dengan cara menubuhkan hospital wakaf serta klinik-klinik kesihatan yang menyediakan kemudahan rawatan dan perubatan terbaik dengan harga yang mampu dibiayai oleh semua kalangan masyarakat terutama mereka yang kurang bernasib baik (Cecep, 2015).

Peranan wakaf sangat strategik untuk pengembangan masyarakat muslim sepanjang zaman, terutama dalam bidang kesihatan. Ini disebabkan oleh keperluan masyarakat yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan kesihatan yang semakin hari semakin mahal, terutama semasa wabak COVID-19 yang melanda lebih dari 200 negara. Sejarah mencatat bahawa peranan wakaf untuk perkhidmatan kesihatan tidak terbatas pada pembinaan hospital dan klinik kesihatan, akan tetapi mencakupi penyediaan ubat-ubatan melalui farmasi yang dibiayai oleh wakaf, penyediaan sumber makanan, menyiapkan tenaga perubatan dan pakar-pakar perubatan dengan menubuhkan sekolah perubatan yang dibiayai oleh wakaf (An Nuaimi, 1984).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Kaedah kajian menerusi kaedah perpustakaan dengan merujuk kepada artikel, jurnal, kitab-kitab turath serta rujukan kontemporari yang berkaitan dengan wakaf untuk mengetahui sejauh mana peranan yang dapat dimainkan oleh wakaf dalam bidang kesihatan dalam menghadapi wabak COVID-19. Data yang diperoleh kemudian dianalisis secara deskriptif bagi memperlihatkan bahawa wakaf boleh ditingkatkan keberkesannya dalam sektor kesihatan dalam menghadapi wabak COVID-19.

DAPATAN KAJIAN

Maksud dan Legalitas Wakaf

Kata *al-Waqf* berasal dari bahasa Arab yang merupakan isim *masdar* dari kata kerja *waqafa-yaqifu* yang bermaksud “menahan” atau “berhenti” atau “diam di tempat” atau “berdiri” (Ibnu Manzur, 1414 H). Sementara itu, menurut istilah ahli fikih, Syekh Syirbini, seorang ulama dari mazhab Syafi’i wakaf menjelaskan bahawa wakaf adalah:

عبارة عن حبس مال يمكن الانتفاع به مع بقاء عينه
بقطع التصرف في رقبته على مصرف مباح موجود
“Menahan harta yang boleh memberi manfaat dengannya, serta kekal fizikalnya, dengan melupakan hak pengurusan yang

dimiliki oleh pewakaf untuk diberi kepada pihak yang dibenarkan oleh Syarak yang wujud ketika itu” (As Syirbini, 1415 H).

Definisi wakaf juga dijelaskan oleh ulama kontemporari seperti Munzir Qahaf yang mendefiniskan wakaf sebagai:

“Akad menaban aset untuk waktu selamanya atau untuk sementara waktu untuk dimanfaatkan hasilnya secara terus menerus dari aset atau dari hasilnya ke arah kegunaan yang harus menurut ugama, untuk tujuan yang bersifat umum atau khusus” (Qahaf, 1421 H).

Dalam kitab al-Magazi al-Waqidi disebutkan bahawa wakaf pertama dalam Islam dilakukan oleh baginda nabi Muhammad Sallallālu ‘Alaihi wa Sallam, yaitu berupa tanah yang diwakafkan oleh beliau (Qahaf, 1421 H). Syariat wakaf ini kemudian dipraktikkan juga oleh para sahabat Baginda seperti Abu Bakar as-Siddiq, Umar bin Khattab, Talha dan Uthman bin Affan, Zubair, Ali bin Abi Talib, ‘Amr bin al-‘Ash, dan sahabat-sahabat Baginda Nabi yang lain. Imam Al-Syafi’i berkata:

بلغني أن ثمانين صحابيا من الأنصار تصدقوا
بصدقات محرّمات

“Saya dimaklumkan bahawa lapan puluh sahabat Ansar telah berwakaf” (As Syirbini, 1415 H).

Beliau juga berkata:

إن صدقات المهاجرين والأنصار بالمدينة معروفة
قائمة

“Wakaf sahabat Ansar dan Muhajirin di Madinah diketahui kewujudannya” (Syafi’i, 1410 H).

Wakaf merupakan salah satu filatropi yang sudah lama dikenali dan diamalkan oleh masyarakat sejak dahulu kala. Ini tidak lain kerana

Allah Subhanahu wa Ta'ala menciptakan manusia untuk mencintai kebajikan dan melakukannya sejak lahir hingga kehidupan di tengah-tengah masyarakat. Atas dasar itu, Al-Quran menjelaskan bahawa beriman kepada Allah sekalipun tidak akan bermakna apa-apa tanpa disertai kebajikan dengan mencintai dan meolong sesama manusia:

“Dan tabukah kamu apakah jalan yang mendaki dan sukar itu? (Iaitu) melepaskan perbudakan (hamba sahaya), atau memberi makanan pada hari terjadi kelaparan, (kepada) anak yatim yang ada hubungan kerabat, atau orang miskin yang sangat fakir, kemudian dia termasuk orang-orang yang beriman, dan saling berpesan untuk bersabar dan saling berpesan untuk berkasih sayang.” (Surah al Balad: 12-17).

Dalam beberapa ayat al-Quran yang menjadi dalil disyariatkan wakaf, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan bahawa seorang mukmin tidak akan mendapatkan kejayaan jika belum melakukan kebajikan, Allah berfirman:

وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

“Dan kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).” (Surah al-Hajj: 77)

Dalam ayat lainnya, Allah menjelaskan bahawa seseorang tidak akan mencapai hakikat kebajikan sehingga membelanjakan sebahagian daripada harta yang disayangi:

لَنْ تَتَّالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.” (Surah Ali Imran: 92).

Ayat inilah yang kemudian mendorong salah seorang sahabat Baginda Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wa sallam*, Abu Thalhah *Radhiyallahu 'anhu* untuk mendatangi Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wa sallam* sambil berkata: “Wahai, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa sallam*, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (*hakikat*) kebajikan dan kebaktian (*yang sempurna*) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi” (Surah Ali Imran: 92). Sesungguhnya harta yang paling aku sayangi adalah tanah Bairoha. Dan sesungguhnya tanah ini aku sedekahkan (wakafkan) kerana Allah. Aku berharap syurga dan simpanannya di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Wahai, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa sallam*, uruskanlah tanah ini sebagaimana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memberi petunjuk kepadamu ... [HR Bukhari, Kitab Az Zakat, 1368].

Hubungan antara Wakaf dan Kesehatan

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, kesihatan berasal dari kata “sihat” yang bermakna tidak menghidap sebarang penyakit; tidak sakit; segar atau sembuh dari sakit (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020). Sedangkan WHO (World Health Organization) mendefinisikan: “*Health is a state of complete physical, mental and social well-being and not merely the absence of disease or infirmity*”. Pengertian sihat menurut WHO ini merupakan suatu keadaan yang ideal, iaitu sihat fizikal atau *jasmani*, sihat mental atau *rohani* dan sosial sehingga seseorang dapat melakukan aktiviti dengan lancar (World Health Organization, 2020).

Islam adalah agama yang sempurna yang mengatur setiap aspek kehidupan umatnya, termasuk diantaranya adalah aspek kesihatan yang merupakan antara nikmat yang Allah kurniakan kepada hamba-Nya yang tiada ternilai harganya. Dengan nikmat kesihatan ini, manusia boleh menjalani kehidupan harian, melakukan aktiviti dan yang lebih penting sihat dapat digunakan untuk beribadat kepada Allah SWT dengan sempurna dengan melaksanakan ibadah-ibadah yang fardhu dan sunnah. Oleh itu, Allah memerintahkan semua umat-Nya untuk menjaga kesihatan yang telah diberikan dan melarang mendedahkan diri kepada kerosakan:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ
وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

“Dan infaqkan (hartamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kerosakan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik” (Q.S. Al-Baqarah:195)

Menjaga kesihatan jasmani dan rohani dapat dilaksanakan dengan dua cara: cara *miqāyah* (menjaga) dan cara *’ilāj* (mengubati).

Sebagai bentuk *wiqāyah* (penjagaan) supaya kesihatan jasmani dan rohani umatnya terjaga dengan baik dan dalam keadaan sihat, Islam telah mengajarkan kepada umatnya untuk selalu menjaga kebersihan, bahkan Islam menjadikan bersuci (thaharah/wudhu), kebersihan pakaian, tubuh serta tempat dari najis dan kotoran sebagai salah satu syarat utama sah ibadah seperti solat. Baginda Nabi Muhammad –*sallallahu ‘alaibi wa sallam*– juga bersabda:

“Sesungguhnya Allah SWT itu suci yang menyukai perkara-perkara yang suci, Dia Maha Bersih yang menyukai kebersihan, Dia Maha Mulia yang menyukai kemuliaan, Dia Maha Indah yang menyukai keindahan, karena itu bersihkanlah tempat-tempatmu.” (HR. Tirmizī). Dalam hadis lainnya Baginda Nabi Muhammad bersabda: “Bersuci (thabararh) itu separuh dari iman.” (Hadis riwayat Muslim).

Selain itu, umat Islam juga dilarang mendedahkan diri kepada kebinasaan dengan memasuki atau mendatangi kawasan yang dilanda wabak penyakit. Dalam hal ini Baginda Rasulullah bersabda:

“Maka sesiapa yang mengetahui berlakunya wabak di suatu tempat janganlah sekali-kali dia datang ke sana...” (Hadis riwayat Muslim)

Usaha *miqāyah* juga dapat dilakukan dengan melakukan aktiviti bersukan kecergasan tubuh seperti berenang, memanah dan

menunggang kuda untuk mengembalikan kecergasan tubuh badan, disamping mengekalkan kesihatan pada setiap masa.

Sedangkan cara *'ilaj* (rawatan), Islam menggalakkan berubat dari semua jenis penyakit. Baginda Nabi Muhammad -*sallallahu 'alaihi wa sallam*- bersabda:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ
وَجَلَّ

"Setiap penyakit ada ubatnya. Apabila ditemukan ubat yang tepat untuk suatu penyakit, akan sembuhlah penyakit itu dengan izin Allah 'azza wajalla." (Hadis riwayat Muslim).

Sebagai tindak balas atas pentingnya kesihatan, umat Islam pada zaman kegemilangan peradaban Islam memberikan perhatian besar kepada sektor kesihatan, iaitu dengan mewakafkan harta benda untuk pembinaan hospital dan klinik untuk merawat pesakit dan membina istitusi pendidikan perubatan untuk menghasilkan tenaga perubatan yang berkualiti. Bahkan wakaf kesihatan pada masa itu bukan hanya untuk kesihatan manusia, ada juga yang diberikan untuk merawat haiwan. Selain pembinaan fasiliti dan peralatan kesihatan, diwakafkan juga aset-aset produktif dalam jumlah yang banyak, sehingga hasilnya cukup untuk kos perkhidmatan atau bantuan kesihatan secara percuma kepada semua pesakit. (Isa, 1981).

Maqāsīd Syariah dalam Wakaf Kesihatan

Imam As-Syatibi dalam kitabnya *al-Muwafaqāt* mengatakan:

إن وضع الشرائع إنما هو لمصالح العباد في العاجل
والآجل معا

"Sesungguhnya semua ajaran syariah Islam bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat" (Syatibi, 1997).

Jika diperhatikan, wakaf yang diperuntukan untuk fasiliti dan kemudahan kesihatan mempunyai peranan yang sangat besar dalam

menjaga *maqāsid* syariah Islam. Pembangunan bidang kesihatan dengan konsep wakaf bertujuan untuk:

▪ *Hifzu ad-din* (menjaga agama)

Hifzu ad-din merupakan tujuan utama dari Syariat Islam, ini bermakna bahawa setiap Muslim berkewajipan untuk memelihara agamanya. Menjaga agama dapat dilakukan antara lain dengan melaksanakan ibadah-ibadah fardhu seperti shalat lima waktu, puasa dan ibadah-ibadah lainnya. Kesihatan yang baik akan menyumbang secara langsung dalam menjaga ibadah. Hanya badan yang sihat yang mampu melakukan ibadah dengan betul dan sempurna, terutama ibadah fizikal seperti solat, haji, puasa. Sebaliknya, jika tubuh tidak berada dalam keadaan sihat, maka pelaksanaan *hifzu ad-din* ini akan terhambat. Oleh itu, *hifzu ad-din* ini akan terus dijalankan dan kekal wujudnya jika ada kerjasama dari semua masyarakat diantaranya dengan cara menyediakan fasiliti kesihatan dan kemudahan rawatan melalui wakaf kesihatan.

▪ *Hifzu an-nafs* (menjaga nyawa)

Menjaga jiwa manusia merupakan salah satu *maqasid* syariah Islam yang mulia, oleh kerana itu Islam mengajarkan bahawa memelihara dan menjaga keselamatan hidup satu nyawa sama dengan menjaga keselamatan hidup semua manusia. Allah berfirman:

وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

“Dan sesiapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya”
(Surah Al-Maidah :32).

Islam juga menggalakkan kepada umatnya untuk berubat sebagai bentuk pemeliharaan nyawa, bahkan hukum berubat dapat berubah menjadi wajib jika penyakit yang diderita mengakibatkan kehilangan nyawa, atau kerosakan anggota badan.

Sebagaimana Islam memerintah umatnya untuk berubat dari segala bentuk penyakit, Islam juga memerintah semua bentuk upaya pencegahan (*wiqayah*) supaya tubuh manusia tetap dalam keadaan

sihat dan terjaga dari segala bentuk penyakit. Antara langkah yang dapat dilakukan adalah dengan cara penyediaan sumber air bersih, pemeliharaan kebersihan tempat tinggal dan alam sekitar serta kaunseling kesihatan untuk masyarakat. Semua usaha ini, sama ada yang berbentuk pencegahan (*wiqāyah*) maupun rawatan penyakit (*'ilāj*) dapat direalisasikan melalui gerakan wakaf kesihatan.

▪ *Hifzu al-'aql* (menjaga akal)

Agama Islam mengajar umatnya untuk sentiasa menjaga kesihatan akalnya. Menjaga akal dapat diwujudkan dengan cara melindunginya dari hal-hal yang dapat merosak atau menghilangkannya seperti penggunaan alkohol, dadah dan minuman keras. Wakaf dapat berperanan dalam menjaga akal dengan cara menubuhkan klinik rawatan bagi para mangsa ketagihan dadah atau bagi pesakit yang mengalami gangguan jiwa.

Ibnu Jubair menceritakan pengembaraannya di Mesir dalam kitab *Rihlah*-nya:

“Antara yang saya kagumi di Kaberah adalah adanya hospital yang mempunyai bentuk reka yang sangat hebat seperti Istana... hospital ini juga menyediakan rawatan untuk para pesakit yang mengalami masalah mental” (Ibnu Jubair, t.t.).

▪ *Hifzu an-nasab* (menjaga keturunan).

Menjaga keturunan melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Menjaga keturunan adalah penting untuk membentuk masyarakat yang sihat, produktif dan berkualiti. Wakaf dapat berperanan dalam *hifdzun nasl*, misalnya dengan cara menentukan peruntukan wakaf untuk membantu generasi muda yang akan berkahwin. Wakaf seperti ini pernah berlaku dalam sejarah kegemilangan umat Islam, pada masa itu Sultan Nurudin Zanki membina sebuah hotel wakaf dan menyediakan perhiasan dan peralatan kahwin yang boleh digunakan secara percuma oleh kalangan fakir miskin yang akan mengadakan majlis perkahwinan (Cecep, 2015). Wakaf juga dapat berperanan dalam menjaga keturunan dengan cara membina hospital wakaf yang dapat membantu banyak ibu bapa dalam proses melahirkan anak mereka, terutamanya

golongan yang kurang berkemampuan dan juga dapat membantu mereka selepas melahirkan untuk memberikan kaunseling menjaga kesihatan bayi kepada ibu bapa agar generasi Islam dapat berkembang dan sihat dari segi fizikal dan mental.

▪ *Hifzu al-Mal* (menjaga harta)

Syariat Islam memberikan perlindungan terhadap harta, menjelaskan cara mendapatkannya dan membelanjakannya. Islam memerintahkan untuk menjaga kesihatan, kekuatan badan serta berubat jika mengalami sakit, kerana kegiatan memproduksi harta dan menjaganya dapat dilakukan oleh orang yang sihat dan kuat. Wakaf kesihatan dapat berperanan dalam menjaga harta umat dan meningkatkan ekonomi mereka dengan menyediakan kemudahan kesihatan, tempat sukan supaya tubuh umat Islam tetap sentiasa dalam keadaan sihat dan cergas.

Meningkatkan Peranan Penting Wakaf Kesihatan dalam Menghadapi Wabak COVID-19

Wabak berasal dari perkataan Arab iaitu *Waba'* (الوباء) atau dikenal juga dengan istilah *Tā'un* (الطاعون) yang bermaksud penyakit yang merebak atau berjangkit. Penyakit wabak bukan perkara baharu dalam tamadun manusia. Dalam catatan sejarah, wabak pernah terjadi beberapa kali termasuk: wabak *al Maut al Aswad* atau dikenal dengan *The Black Death* yang menyerang benua Eropah, Afrika dan Asia pada abad 9 hijri tepatnya pad tahun 833 Hijri. Sekurang-kurangnya 25 juta nyawa manusia terkorban dalam wabak ini (Ibnu Hajar, t.t.). Disamping itu pernah terjadi juga wabak *Shirawayb* yang terjadi di Bandar Al Mada'in, pusat pemerintahan Persia, pada tahun 627–628 M. Kemudian wabak *Amwas* yang terjadi pada masa Khalifah Umar bin Khathab pada tahun 638 M dan meragut nyawa 25.000 tentera Islam, yang meluas ke seluruh Syri, Irak, dan Mesir (Historia, 2020). Bahkan Jejak peristiwa wabak Amwas yang memamatkan ini didokumentasikan dengan cukup baik dalam kitab *Bazl al-Mann fi Fadly Tha'un* yang ditulis Ibnu Hajar al Asqalani (Ibnu Hajar, n.d.).

Baru-baru ini, dunia dikejutkan lagi oleh satu wabak yang menular dengan begitu cepat ke seluruh dunia, iaitu wabak COVID-19. COVID-19 adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh jenis

coronavirus yang baru ditemui. Virus baru ini tidak pernah di temui sebelum berlakunya wabak di Wuhan, China, pada bulan Disember 2019. COVID-19 kini menjadi wabak di banyak negara di seluruh dunia. Penyebaran COVID-19 sangat cepat, bahkan sehingga 15 September 2020 ini, COVID-19 telah merebak ke 216 negara dan menyebabkan 28 918 900 terjangkit dan menyebabkan kematian sebanyak 922 252 orang di seluruh dunia (World Health Organization, 2020).

Memerangi COVID-19 bukanlah suatu perkara yang mudah dan murah. Banyak dana diperlukan untuk memerangi wabak COVID-19, dana tersebut diantaranya dipergunakan untuk penambahbaikan kemudahan kesihatan termasuk hospital pusat rawatan COVID-19, membeli peralatan kesihatan, perkhidmatan makmal, perlindungan pekerja kesihatan, terutama membeli peralatan pelindung diri (PPE), membeli ubat, keperluan asas masyarakat, dan lain seupamanya.

Oleh itu, jika "perang" melawan virus ini hanya dilakukan secara sendiri-sendiri dan hanya bergantung pada kaki tangan perubatan dan pihak kerajaan, maka akan sangat sukar untuk membendung penyebarannya. Antara usaha yang dapat dilakukan dalam mengatasi wabak ini adalah dengan memaksimumkan kewujudan wakaf yang jika disokong oleh semua anggota masyarakat, maka wakaf akan dapat menjadi perisai sekaligus sebagai senjata dalam melawan virus ini.

Wakaf merupakan salah satu filantropi Islam yang sangat fleksibel. Penerima manfaat wakaf (mauquf 'alaih) boleh dari pelbagai kalangan masyarakat, sama ada muslim yang kaya atau muslim yang lemah dalam ekonomi sehingga benar-benar memerlukan pertolongan, banyak hutang atau tidak, muallaf atau tidak. Bahkan manfaat wakaf boleh diberikan kepada orang bukan Islam, selagi wakaf ini digunakan dalam had yang sesuai dan diperbolehkan oleh syariat Islam. Dari sudut pandangan ini, wakaf sangat berbeza dengan zakat yang penerimanya dibatasi hanya kepada 8 kumpulan sahaja, iaitu: fakir, miskin, *riqab*, *gharim*, muallaf, fi sabilillah, ibnu sabil, *amilin*. Wakaf juga mempunyai sifat kekal yang tidak dipunyai harta seperti derma dan zakat yang biasanya akan habis diagihkan tanpa menafikan

ia mempunyai kedudukan penting dalam menyelesaikan masalah ummah.

Jika dilihat dari sudut penggunaan, wakaf terbahagi kepada dua jenis: *Al-Waqf Al Mubāsyir* dan *Al Waqf Al-istismāri*. Kedua-dua jenis wakaf ini dapat ditingkatkan peranannya untuk melawan COVID-19 yang kini sedang melanda dunia.

***Al-Waqf al-Mubāsyir* (الوقف المباشر)**

Al-Waqf al-Mubāsyir bermaksud wakaf yang objeknya (*mauqūf*) digunakan untuk memberikan perkhidmatan terus kepada penerima wakaf (*mauqūf ‘alaihb*) (Qahaf, 1421 H). Dalam fikih Islam, semua jenis benda boleh diwakafkan, selama memenuhi syarat berikut (Al Kabisi, 1977): *mutaqanwam* (mempunyai nilai harga di sisi syarak), milik sempurna oleh orang yang berwakaf (*waqif*), diketahui kewujudannya secara pasti, harta itu mestilah benda yang dapat diambil manfaatnya, diwakafkan untuk tujuan yang baik sahaja dan tidak menyalahi syarak.

Diantara harta yang boleh diwakafkan dalam menghadapi wabak COVID-19 adalah wang atau dikenal dengan *cash waqf*. Wang yang diwakafkan boleh digunakan untuk keperluan:

- Pembangunan dan pembaikan kemudahan kesihatan
Cash waqf dalam jenis *al-Waqf al-mubāsyir* boleh digunakan untuk pembinaan atau pembaikan hospital untuk merawat pesakit yang dijangkiti COVID-19. Sekiranya ada kerjasama dan sokongan dari semua pihak, maka pembangunan atau pembaikan hospital yang sudah ada dapat dilakukan dengan mudah. Sebagai contoh: jika setiap penduduk di suatu negara berwakaf 5 ringgit dan jumlah penduduk yang berwakaf 2 juta orang, maka akan terkumpul sebanyak 10 juta ringgit wakaf tunai (*cash waqf*) yang dapat digunakan untuk melawan wabak ini. Lebih-lebih lagi, jika orang yang berwakaf berjumlah 5 juta atau 10 juta orang dan berwakaf dalam jumlah lebih dari 5 ringgit, maka akan semakin banyak jumlah wakaf tunai yang dapat digunakan untuk memerangi wabak COVID-19.

▪ Pembelian peralatan kesihatan

Terdapat banyak peralatan yang diperlukan dalam menangani COVID-19. Secara amnya, peralatan kesihatan terbahagi kepada dua (medium, 2020):

- *Disposable* iaitu peralatan kesihatan yang hanya dapat digunakan satu kali dan hanya diperuntukan untuk satu orang pesakit sahaja seperti: masker, kelengkapan pelindung diri (*personal protective equipment; PPE*), reagen RTPCR, viral transfer media, rapid diagnostic test, nasal swab dan lain seupamanya.
- Peralatan yang dapat digunakan beberapa kali oleh beberapa orang pesakit, seperti: Ventilator, thermometer, kereta ambulans yang khas untuk pesakit COVID-19. Jenis *Al-Waqf al-mubāsyir* dapat digunakan untuk pembelian jenis peralatan tidak habis pakai seperti ini.

▪ Penyediaan Sumber Air

Al-Waqf al-mubāsyir boleh dimanfaatkan untuk menjaga ketersediaan sumber-sumber air yang dapat digunakan untuk cuci tangan atau keperluan lainnya bagi sebahagian penduduk yang mungkin sahaja mendapatkan kepayahan dalam mendapatkan air bersih di masa wabak COVID-19. Wakaf sumber air ini pernah dilakukan oleh Khalifah Utsman bin Affan ketika kota Madinah mengalami kemarau sehingga masyarakat sukar mendapatkan air bersih. Satu-satunya sumber air yang tersisa, yakni sebuah telaga milik seorang Yahudi, telaga Raumah namanya. Kaum muslimin dan penduduk Madinah terpaksa harus rela beratur dan membeli air bersih dari Yahudi tersebut. Prihatin atas keadaan umatnya, Rasulullah -*Sallallahu ‘alaihi wa sallam* kemudian bersabda:

“Wahai Sahabatku, sesiapa di antara kalian yang menyumbangkan hartanya untuk dapat membebaskan telaga itu, lalu menyumbangkannya untuk umat maka akan mendapat surga-Nya Allah Ta’ala” (Hadis riwayat Muslim).

***Al-Waqf al-istithmāri* (الوقف الاستثماري)**

Al-Waqf al-Istithmāri juga dikenali sebagai Wakaf Produktif yang bermaksud melaburkan dan mengembangkan aset atau hasil wakaf

dengan cara pelaburan yang diharuskan oleh Syarak (IIFA, 2020). Pelaburan harta wakaf dapat dilakukan dalam bidang pertanian, perdagangan mahupun perkhidmatan. Wakaf jenis ini boleh dilaburkan untuk menghasilkan barang atau perkhidmatan, kemudian dijual dan hasilnya digunakan sesuai dengan tujuan wakaf seperti untuk tujuan kesihatan atau tujuan lain.

Ugama Islam menggalakkan bahkan mewajibkan umatnya menjalankan perniagaan yang membolehkan umatnya maju terutamanya dalam bidang ekonomi. Dalam Kaedah usul fikih disebutkan: "*Sesuatu kewajipan yang tidak dapat disempurnakan melainkan dengan sesuatu perkara, maka perkara tersebut juga menjadi wajib*". Jika maju dalam bidang ekonomi hukumnya adalah wajib. Justeru kemajuan ekonomi tidak dapat dicapai melainkan dengan cara pelaburan dan perniagaan. Maka pelaburan atau perniagaan pun adalah wajib hukumnya kerana wasilah ke arah perkara yang wajib adalah wajib juga hukumnya. Berdasarkan kaedan ini juga lah, maka para ulama mengatakan bahawa pelaburan harta hukumnya adalah wajib kifayah, termasuklah melaburkan harta wakaf.

Pelaburan harta wakaf adalah cara terbaik untuk mempertahankan dan mengembangkan harta wakaf sama ada dalam jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang. Pelaburan aset wakaf untuk mengekalkan hasilnya selaras dengan objektif dan prinsip asas wakaf. Prinsip asas wakaf adalah berterusan dalam memberi manfaat wakaf sehingga ke masa depan. Oleh itu, harta yang diwakafkan mesti dipelihara dan tidak boleh dipindah milik fizikalnya sama ada melalui jual beli, dihadiahkan kepada pihak ketiga, pewarisan atau gadaian. Larangan pemindahan aset wakaf tersebut ditujukan supaya aset wakaf dapat dilaburkan dengan tetap menjaga dan memelihara asetnya, dan pada masa yang sama manfaat daripada aset yang diwakafkan itu boleh digunakan oleh pihak yang dipilih dan diisytiharkan oleh pewakaf (Cecep, 2015).

Jika kita memerhatikan hadis Baginda Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa sallam* ini: "*Tabanlah aset wakaf dan agihkan hasilnya (manfaatnya)*", maka dapat difahami bahawa Baginda Nabi memerintahkan dua perkara asas yang merupakan tonggak utama dalam pelaburan harta wakaf:

- Pemeliharaan aset wakaf

- Berterusan dalam memberikan hasil dan manfaat wakaf dengan cara dilaburkan

Kedua-dua perkara ini tidak dapat dipisahkan karena saling berkaitan. Mustahil manfaat wakaf akan dapat diberikan secara berterusan sekiranya asetnya tidak dijaga. Manfaat wakaf produktif tidak diperoleh secara langsung dari aset wakaf tetapi dari keuntungan atau hasil pengurusan wakaf.

Dalam Islam, pelaburan hendaklah dilakukan dengan menggunakan kaedah atau cara yang bertepatan dengan Syariah samada dari segi pengurusan atau jenis pelaburan yang dilakukan. Diantara cara yang dapat digunakan dalam melaburkan harta wakaf adalah:

- *Ijarah*. *Ijarah* bermaksud transaksi atas manfaat dari sesuatu asset yang telah diketahui, yang dapat diserahkan dan dibolehkan dengan imbalan (*ujrah*) yang juga telah diketahui (As Syirbini, 1415H). Ulama bersepakat bahawa nazir atau perbadanan wakaf dibenarkan untuk melaburkan harta wakaf dengan skema *ijarah* selagi dalam kontrak tersebut tiada perkara yang dapat menyebabkan kerugian aset wakaf. Contohnya adalah dengan menyewakan hotel wakaf, pangsapuri, rumah, kedai dan sebagainya. Kemudian keuntungannya dikhususkan untuk sektor kesihatan, terutamanya COVID-19.
- *Mudarabah*. *Mudarabah* atau *qirad* merupakan salah satu daripada pembiayaan syarikat atau ekuiti. Instrumen ini merupakan “satu kaedah atau satu perjanjian yang dimeterai antara pemodal (*sahib al mal*) dan pengusaha (*mudharib*) di mana pemodal bersetuju untuk membiayai projek yang akan diusahakan oleh pengusaha (*mudharib*) dan berkongsi untung mengikut nisbah pembahagian yang dipersetujui bersama oleh pemodal dan pengusaha (Ibnu Qudamah, 1405 H). Walau bagaimanapun, kerugian hanya akan ditanggung oleh pemodal sahaja, kecuali jika pengusaha cuai dalam projek yang diusahakan sehingga mengalami kerugian. Bentuk ini menegaskan kerja sama dengan kontribusi 100% modal dari *sahib al mal* dan keahlian dari *mudharib*. Perbadanan wakaf boleh menyerahkan wakaf tunai kepada mana-mana pihak sama ada individu atau institusi yang mempunyai kemampuan

dan pengalaman dalam bidang perniagaan sebagai modal awal bagi projek pelaburan wakaf. Keuntungan dari pelaburan dana wakaf tersebut dapat digunakan untuk membiayai program kesihatan untuk membendung dan memerangi wabak COVID-19.

- *Musarakah Mutanaqisah*. *Musarakah mutanaqisah* (Diminishing Partnership) bermaksud bentuk kerjasama antara dua pihak atau lebih untuk kepemilikan suatu barang atau aset. Kerjasama ini akan mengurangi hak kepemilikan salah satu pihak sementara pihak yang lain bertambah hak kepemilikannya. Perpindahan kepemilikan ini melalui mekanisme pembayaran atas hak kepemilikan yang lain. Bentuk kerjasama ini berakhir dengan pengalihan hak salah satu pihak kepada pihak lain (IIFA, 2020). Sebagai contoh, jika sesebuah perbadanan wakaf memiliki tanah wakaf di lokasi yang strategik, ia boleh bekerjasama dengan institusi kewangan seperti bank Islam untuk membangun bangunan komersial di atas tanah tersebut. Dimana aset tersebut dimiliki bersama. Jumlah pemilikan dapat ditentukan sesuai dengan sejumlah modal atau dana yang disertakan dalam kontrak kerjasama. Selanjutnya, aset wakaf dapat disewakan kepada pihak ketiga dan keuntungan dapat dikongsi antara kedua-dua pihak dan kemudian perbadanan wakaf akan membayar secara ansur sejumlah modal/dana yang dimiliki oleh bank Islam. Perpindahan kepemilikan dari Bank Islam kepada perbadanan wakaf seiring dengan peningkatan jumlah modal perbadanan wakaf dari pertambahan ansuran yang dilakukan oleh perbadanan wakaf. Hingga ansuran berakhir berarti kepemilikan suatu barang atau benda tersebut sepenuhnya menjadi milik perbadanan wakaf. Penurunan bahagian kepemilikan bank Islam terhadap barang atau benda menurun secara berkadar dengan jumlah ansuran. Setelah pemilikan aset tersebut 100% menjadi milik perbadanan wakaf maka keuntungan pun akan menjadi hak penuh wakaf. Dalam konteks COVID-19, hasil pelaburan wakaf selain dapat digunakan untuk pembangunan dan pembaikan kemudahan kesihatan, pembelian peralatan kesihatan, penyediaan sumber air, juga dapat diberikan untuk:

- Pemulihan Ekonomi Pasca COVID-19. Tidak diragukan lagi bahawa COVID-19 yang menjangkiti seluruh dunia telah berimpak kepada runtuhnya ekonomi masyarakat. Seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah membawa penutupan premis perniagaan, manakala ramai hilang punca pendapatan. Kehilangan punca pendapatan secara tiba-tiba boleh mengganggu mental dan berpotensi menimbulkan masalah untuk kesihatan mental masyarakat. Wakaf amat relevan dengan realiti seperti ini. Sebagai filantropi yang memberikan manfaat kekal kepada penerima yang berhak, penggunaannya tidak akan menghabiskan harta diwakafkan. Sebagai contoh keuntungan dari pelaburan wakaf boleh digunakan untuk membantu masyarakat yang telah runtuh ekonominya akibat terjejas COVID-19 dengan cara diberikan modal untuk berniaga atau melakukan pelaburan di bidang pertanian, perindustrian, perdagangan maupun perkhidmatan dengan skim *mudarabah*, *musarakah* atau skim-skim lainnya yang dibenarkan oleh syarak (Cecep, 2015).
- Menggunakan Keuntungan Wakaf untuk Memenuhi Keperluan Asas Masyarakat dan *Personal Protective Equipment*. COVID-19 telah berimpak kepada kehidupan masyarakat, banyak diantara mereka yang kekurangan keperluan asas akibat hilangnya pekerjaan atau perniagaan yang sepi. Dalam kondisi ini, para nazir wakaf boleh menggunakan *ribh al-waqf al-istithmari* (hasil dari pelaburan harta wakaf) untuk membeli keperluan asas seperti beras, minyak goreng, gula kemudian diagihkan kepada masyarakat yang memerlukan selama musim COVID-19. *Ribh al-waqf al-istithmari* juga dapat digunakan untuk pembelian hand sanitizer, obat, vitamin dan peralatan kesihatan seperti kelengkapan pelindung diri (*personal protective equipment; PPE*) yang boleh digunakan oleh doktor, jururawat, pelajar di sekolah dan masyarakat.
- Insentif dan Pampasan Kematian Anggota Perubatan. Pekerja kesihatan seperti doktor, jururawat, dan pegawai perubatan lain berjuang untuk berada di barisan hadapan dalam menangani pesakit wabak Covid-19. Peranan mereka sangat besar bagi masyarakat. Mereka mempertaruhkan

nyawa mereka. Bahkan banyak diantara mereka yang menjadi mangsa COVID-19. Sebilangan besar dari mereka banyak yang terjangkit bahkan meninggal dunia. Angka kematian tenaga kesihatan yang menangani pasien COVID-19 juga semakin bertambah. Dalam keadaan seperti ini, wakaf dapat berperanan dengan menggunakan hasil dari wakaf produktif untuk intensif pekerja kesihatan atau untuk pampasan kematian para wira kesihatan yang berada di barisan hadapan.

Wakaf memiliki peranan yang sangat penting dalam sektor kesihatan khususnya dalam memerangi epidemik COVID-19. Wakaf tentunya dapat membela masyarakat dan negara, terutama dalam realiti seperti wabak. Namun, perlu diingat bahwa tugas dan pelaksanaan wakaf tidaklah mudah, oleh kerananya wakaf perlu dikendalikan oleh orang yang kompeten dan bertanggungjawab. Pentadbir wakaf ini, biasa disebut nazir, dilantik oleh wakif untuk memelihara dan mengurus aset wakaf agar menghasilkan, serta mengedarkannya kepada penerima wakaf. Oleh kerana pentingnya kebertanggungjawaban pengurusan wakaf, para *fuqaha* mensyaratkan beberapa syarat untuk nazir seperti nazir mesti mampu melakukan transaksi, dapat dipercaya dan kompeten di bidangnya.

KESIMPULAN

Syariat Islam memperhatikan aspek kesihatan dan menjadikannya *dharuriyyat* (keperluan penting) dalam kehidupan manusia. Dalam kondisi penyebaran COVID-19 yang sangat cepat ke seluruh dunia dan menyebabkan 28 918 900 terjangkit dan kematian sebanyak 922 252 orang di seluruh dunia, peranan wakaf dengan pelbagai jenisnya sama ada *waqf mubasyir* maupun *waqf istihmari* dapat dimaksimakan sebagai sumber dan sokongan kuat dalam sektor kesihatan khususnya dalam menghadapi COVID-19 kerana ciri-ciri wakaf yang kekal dan berkekalan. Namun perlu diingat, bahawa keberkesanan wakaf dalam kesihatan ini akan sia-sia jika tidak ada sokongan dari semua pihak, sama ada pihak kerajaan, masyarakat dan terutama dari pentadbir wakaf yang dilantik untuk memelihara dan mengurus aset wakaf agar menghasilkan, serta mengedarkannya kepada penerima wakaf. Semua pihak perlu bekerjasama dan bergotong royong dalam

memaksimalkan wakaf ini dalam menghadapi wabah dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan kualiti kesihatan umat Islam ke arah yang lebih baik. *Wallahu a'lam bissawab*.

RUJUKAN

- Al Kabisi, Muhammad Abid Abdullah. (1977). *Abkām al-Waqf fi as-Syari'ah al-Islāmiyyah*. Bagdad: Wizārat al-Awqaf.
- An Nuaimi, Abdul Qadir bin Muhammad. (1948). *Ad-Dāris fi Tārikh Al-Mādāris*. Damaskus: al-Majma' al-'Ilmi al-'Arabi.
- As Syirbini, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad. (1415 H). *Mughni Al-Muhtāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- Cecep, Soleh Kurniawan. (2015). *Istithmār Amwāl al-Waqf*. Brunei: UNISSA.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://prpm.dbp.gov.my/>. Dilayari 13 Juni 2020.
- Historia. <https://historia.id/kultur/articles/wabah-sejak-zaman-rasulullah-DWq02>. Dilayari 17 September 2020
- Ibnu Hajar, Ahmad bin Ali Al Asqalani. (n.d.). *Bazlu al-Ma'un fi Fadly at-Tha'un*. Riyad: Dār al-'Asimah.
- Ibnu Jubair, Abu al-Husain Muhammad bin Ahmad al-Kannani. (n.d.). *Rihlat Ibnu Jubair*. Beirut: Dār Shadir
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida Ismail bin Umar. (1419 H.). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibnu Manzur, Jamaluddin Muhammad ibnu Mukarram. (1414 H.) *Lisān al-Arab*. Beirut: Dār Sādir.
- Ibnu Qudamah, Muwaffaquddin Abdullah bin Ahmad al-Maqdisi. (1405 H.). *al-Mughni*. Beirut: Dār al-Fikri.
- International Islamic Fiqh Academy (IIFA). <https://www.iifa-aifi.org/2157.html>. Dilayari pada 17 September 2020.
- Isa, Ahmad. (1981). *Tārikh Al-Bimāristānāt fi Al-Islām*. Beirut: Darur Rāid Al-'Arabi.
- Medium. <https://medium.com/@dennywildan16/mengenal-klasifikasi-dan-juga-pengertian-alat-kesehatan-397fa0e7565e>. Dilayari pada 19 September 2020.
- Qahaf, Munzir. (1421 H). *al-Waqf al-Islāmi: Tathawwuruhu, Idāratuhu, Tanmiyatuhu*. Damaskus: Dār al-Fikri.

- Syafi'i, Muhammad bin Idris. (1410 H.). *Al-Um*. Beirut: Dār al-Ma'rifat.
- Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa bin Muhammad. (1997). *al-Mumāfaqāt*. Saudi Arabia: Dār Ibnu 'Affān
- World Health Organization. www.who.int. Akses pada 15 September 2020.